



DILUPUS.... Sebahagian minuman keras seludup yang dilupus, di Tapak Perlupusan Bukit Kalam, pada Rabu.



SELUDUP... minuman skeras yang di seludup dan berjaya di rampas sedia untuk dilupus selepas mendapat kebenaran dari Mahkamah Majistret Labuan.

APMM Labuan lupus barangan seludup bernilai RM13,000

LABUAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Daerah Maritim Labuan (DM14) melupuskan minuman keras pelbagai jenama yang diseludup bernilai RM13,000 di Tapak Perlupusan Bukit Kalam, dekat sini pada Rabu.

Pengarah Maritim Daerah Labuan, Kepten Maritim Che Adnan Md Isa berkata, kesemua

minuman keras pelbagai jenama merupakan barangan yang telah dirampas daripada sebuah feri Lim Pertama yang ditahan di perairan Teluk Brunei tahun lepas.

"Kesemua minuman keras tersebut dilupuskan setelah pihak Maritim Labuan mendapat kebenaran daripada Mahkamah Majistret pada 25 Ogos lalu dimana semua minuman keras dan feri

tersebut telah dilucut hak dari pemilik. Sementara feri berkenaan sedang dalam proses lelongan," katanya dalam satu kenyataan media yang dihantar kepada pemberita di sini, pagi kelmarin.

Dalam pada itu, beliau berkata, APMM Daerah Maritim Labuan mengharapkan kerjasama daripada orang ramai supaya segera

melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim yang berlaku di perairan negara ini khususnya di Perairan Labuan.

Katanya, sebarang aduan dan kecamasan di laut boleh dilaporkan di talian 24 jam MERS 999 dan Pusat Operasi Ibu Pejabat Daerah Maritim Labuan di talian 087-427999", jelas beliau. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**